

Malaysia aluzkan Amerika isytiharkan gencatan senjata

UM 1 - MAR 1991

KUALA LUMPUR 28 Feb. — Malaysia mengalu-alukan keputusan Amerika Syarikat mengisytiharkan gencatan senjata perang Teluk setelah berjaya mengusir keluar Iraq dari bumi Kuwait.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, beliau kesal kerana gencatan senjata tersebut hanya dicapai selepas beribu-ribu rakyat Iraq terkorban.

"Sepatutnya Presiden Iraq, Saddam Hussein mengambil tindakan untuk keluar dari Kuwait dulu lagi. Jika tindakan itu dibuat sudah tentu banyak nyawa dapat diselamatkan.

"Saya rasa dukacita kerana dia (Presiden Saddam) menerima satu demi satu resolusi PBB, itupun setelah ramai rakyatnya mati," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Per-

dagangan Malaysia (MDM) di sini hari ini.

Perdana Menteri memberitahu, Malaysia menyokong Resolusi 678 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana ingin memberi kata dua kepada Iraq supaya keluar segera dari Kuwait.

"Malangnya, Presiden Saddam tidak mahu mematuhi resolusi itu dan terus berkeras. Akibatnya banyak nyawa yang terkorban."

Dato' Sri Dr. Mahathir berharap negara-negara lain akan dapat mempelajari sesuatu daripada peperangan itu khususnya mereka yang mempunyai hasrat 'memperbesarkan' wilayah negara masing-masing.

Beliau turut berkata, Malaysia bersedia menghulurkan sebarang bantuan ketenteraan di dalam pasukan pengaman PBB jika diminta berbuat demikian.

"Sebelum ini, kita pun telah diminta untuk menghantar pasukan pemerhati dan kita telah bersetuju untuk menghantar 30 pegawai dari Pasukan Pemerhati PBB bagi Gencatan Senjata Iran-Iraq (UNIIMOG) kita," tambahnya.

Sementara itu, bercakap kepada para pemberita selepas upacara pelancaran MPM di sebelah pagi, Perdana Menteri berkata, beliau rasa lega kerana Kuwait telah dapat dibebaskan daripada cengkaman Iraq.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata: "Kita berpendapat bahawa di Malaysia, orang yang berada di dalam keadaan selamat juga mudah sangat menyuruh orang lain menghadapi bahaya.

"Jadi, saya haraplah bahaya yang dihadapi oleh rakyat dan askar Iraq mesti diambil kira dan bukan keselamatan diri sendiri sahaja."